

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN
RASMI PERTANDINGAN MEMBACA AL-
QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN BAGI
TAHUN 1975 (TAHUN HIJRAH 1395) DI
STADIUM MERDEKA KUALA LUMPUR PADA
22HB SEPTEMBER, 1975

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Y.B. Tan Sri Syed Nasir Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Pusat
Pertandingan Membaca Al-Quran Tahun 1395, Y.B. Menteri-
menteri, Dif-dif Kenamaan, Saudara-saudara sekalian yang hadir.

Alhamdulillah, segala puji-pujian tertentu bagi Allah yang telah
menurunkan kitab Suci Al-Quran sebagai petunjuk kepada jalan
kemakmuran dan kebahagiaan bagi orang-orang yang beriman,
selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W.
yang diutuskan membawa wahyu pertama yang ditunmkan di
dalam bulan Ramadan, dan seterusnya selawat dan salam kepada
sekalian keluarga dan sahabat-sahabatnya.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana
dengan taufik dan hidayahNya, majlis pertandingan membaca
Al-Quran Peringkat Kebangsaan bagi kali yang Ketujuh Belas ini
dapat diadakan dalam bulan Ramadan ini dengan pembukaannya
pada malam ini, walaupun dalam keadaan negara kita sedang
mengalami kemerosotan ekonomi serta berhadapan pula dengan
beberapa ancaman yang mengganggu ketenteraman negara.

Saya sukalah mengucapkan tahniah kepada Y.B. Tan Sri Syed
Nasir Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Pusat Pertandingan Membaca
Al-Quran bagi tahun ini dan sekalian ahli Jawatankuasanya, kerana
dapat mengelolakan pertandingan ini dengan peruntukan yang jauh
lebih kecil daripada tahun-tahun yang lalu. Amalan seperti ini
adalah sangat sesuai dengan dasar berjimat-cermat yang sedang
dilakukan oleh Kerajaan untuk mengatasi kesempitan kewangan
yang sedang dihadapi pada masa ini. Saya berharap amalan seperti
ini akan terus dipraktikkan serta akan dicontohi pula oleh lain-
lain Jawatankuasa dan agensi-agensi Kerajaan khasnya dan pihak
swasta amnya.

Saudara-saudara sekalian,

Seperti yang kita sedia maklum, pertandingan membaca Al-Quran di negara kita ini telah berjalan tidak lama selepas negara kita mula-mula mencapai kemerdekaan. Pada tahun ini ianya telah masuk kepada tahun yang ketujuh belas, dan usia tujuh belas adalah merupakan umur remaja jika diibaratkan kepada umur seorang kanak-kanak yang sedang meningkat dewasa, apa lagi bagi seorang anak gadis umpamanya, kerana dalam usia tujuh belas tahun itulah hidupnya mulai menempuh cabaran, baik dari jasmani mahupun rohani serta pemikirannya.

Oleh kerana bersesuaian dengan keremajaan usia pertandingan membaca Al-Quran di negara kita ini, maka tujuan kita mengadakan pertandingan seperti ini bukanlah lagi setakat untuk mencungkil bakat-bakat Qari dan Qariah, atau selebih-lebihnya untuk meningkatkan mutu pembacaan Al-Quran di kalangan mereka itu. Tujuan kita yang lebih tinggi dan terpenting ialah bagi memupuk dan meningkatkan kesedaran umat Islam di negara ini seluruhnya terhadap pentingnya berpegang kepada segala ajaran yang terkandung dalam kitab suci Al-Quran agar kehidupan kita bertambah makmur dan mendapat keredaan Allah.

Saudara-saudara sekalian,

Sejajar dengan tujuan inilah maka Jawatankuasa Pusat Pertandingan telah memilih satu tema yang sangat tepat bagi pertandingan pada tahun ini, iaitu "Kemakmuran Melalui Lunas-lunas Islam". Tema ini adalah melambangkan matlamat dan tujuan sebenar dari penurunan Kitab Al-Quran itu, yang memberikan jaminan bahawa petunjuk Allah itu akan membawa manusia kepada kemakmuran dan kebahagiaan, sekiranya mereka beriman kepada Allah dan RasulNya yang diutuskan membawa kitab suci itu.

Saya percaya tema yang dipilih pada tahun ini kena pada masanya dengan keadaan yang sedang kita alami sekarang, di mana usaha-usaha kita untuk menegakkan kemakmuran, khasnya di bidang ekonomi, akhlak, keselamatan dan pelajaran, yang sudahpun berjalan dengan begitu pesat sejak kita mencapai kemerdekaan lapan belas tahun yang lalu, sedang mengalami saat-saat kesukaran dari berbagai ancaman dan gangguan.

Saya yakin belumlah terlambat masanya bagi kita menghalusi semula falsafah perancangan kita dan "programme orientation" nya di semua bidang pembangunan mulai daripada sekarang agar mana-mana yang tidak sejalan dengan lunas-lunas ajaran Islam dapat diketepikan dan mana-mana bahagian yang tersilap dapat dibetulkan, sesuai dengan falsafah dan ajaran Al-Quran. Sebenarnya, kita telahpun banyak mengubah suaikan falsafah-falsafah pembangunan yang kita pelajari dari negara-negara asing di dalam usaha kita merencanakan program-program bagi memakmurkan negara kita.

Bagaimanapun, dalam usaha kita menuju kepada kemakmuran, kita hams ingat bahawa lunas-lunas Islam adalah mengutamakan kebajikan dan keadilan masyarakat seluruhnya dan tidak semata-mata kepentingan perseorangan atau golongan. Lebih-lebih lagi bagi negara Malaysia yang sedang membangun yang mengamalkan sistem demokrasi maka amatlah perlu rakyat menjalani kehidupan mereka mengikut lunas-lunas keislaman kerana hanya dengan demikian akan dapat menjamin kemakmuran yang dicapai itu dinikmati secara adil dan saksama oleh seluruh masyarakat.

Sungguhpun negara kita telah mencapai pembangunan yang pesat semenjak kemerdekaan, tetapi kita dukacita akhir-akhir ini telah timbul gejala-gejala yang tidak sihat yang akan merosakkan segala yang telah kita capai selama ini.

Gejala yang saya maksudkan itu ialah seperti berleluasanya penyalahgunaan dan penagihan dadah di kalangan belia-belia khususnya belia-belia Islam; kegiatan penyeludupan dadah antarabangsa yang berpengkalan di negara kita, hinggakan menyebabkan setengah-setengah negara di Eropah mencurigai warganegara Malaysia yang melancung ke negara-negara berkenaan. Begitu juga bertambahnya kegiatan anasir-anasir jahat dan anti-nasional, lebih-lebih lagi anasir-anasir jahat Kominis yang hendak mengganggu ketenteraman negara dan menghilangkan kepercayaan rakyat kepada Kerajaan.

Dalam hubungan ini, saya percaya kita semua maklum tentang angkara-angkara jahat yang telah dilakukan oleh anasir-anasir anti-nasional dalam beberapa waktu kebelakangan ini yang telah merosakkan harta benda Kerajaan dan menyebabkan rakyat menanggung kesusahan. Oleh kerana keganasan-keganasan yang

mereka lakukan itu telah tidak dapat mematahkan semangat keperwiraan anggota-anggota Pasukan Keselamatan kita serta ketabahan hati rakyat sekalian, maka golongan anti-nasional ini cuba pula menghasut dan menyebarkan berita-berita palsu, kononnya pemimpin-pemimpin Malaysia juga akan menerima nasib yang sama seperti pemimpin-pemimpin di Vietnam dan Khmer. Kononnya pemimpin-pemimpin Malaysia akan meninggalkan negara ini bila sahaja berlakunya kekacauan.

Saya suka menyatakan iaitu pertamanya pemimpin-pemimpin Malaysia adalah dipilih oleh rakyat sendiri. Mereka bukanlah dilantik atau diletakkan oleh mana-mana pihak. Yang keduanya, negara kita mengamalkan prinsip-prinsip demokrasi dalam mana rakyat mempunyai kata putus. Sudah beberapa kali rakyat telah menunjukkan bahawa mereka yakin dan memberi sepenuh kepercayaan kepada Kerajaan dan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Kita telah memegang teraju Kerajaan semenjak negara ini merdeka dahulu dan rekod kejayaan kita telah membuktikan bahawa pemimpin-pemimpin Malaysia sentiasa memenuhi aspirasi dan kehendak rakyat. Dengan sebab itu, apa yang kita lakukan itu dapat dirasai nikmatnya oleh semua golongan rakyat. Kerajaan akan meneruskan serta memperhebatkan usaha-usaha pembangunan untuk memberi rakyat negara kita yang miskin mata pencarian yang lebih sempurna, kemudahan-kemudahan hidup yang sewajar supaya tiap-tiap orang rakyat dapat tempat yang sempurna di negara kita yang dikasihi.

Yang mendukacitakan lagi ialah sebahagian daripada mereka yang menjalankan perbuatan keganasan itu adalah mereka yang telah menerima kemudahan dari Kerajaan seperti rumah dan juga pekerjaan yang berpendapatan yang cukup. Tidakkah mereka bersyukur dan berterima kasih di atas nikmat yang didapati yang tidak boleh didapati di negara-negara yang lain. Nyatalah mereka ini tidak mempunyai perasaan kemanusiaan dan tidak bertanggungjawab sama sekali dan tidak berguna kepada masyarakat kita. Kerajaan terpaksa mengambil tindakan-tindakan yang sekeras-kerasnya terhadap mereka.

Saya yakin rakyat tidak akan mudah terpengaruh dengan dakyah dan hasutan anasir-anasir anti-nasional itu dan saya suka menyeru agar kita sentiasa berwaspada terhadap dakyah jahat yang disebar-kan yang semata-mata bertujuan hendak memecah belahkan perpaduan rakyat dan merosakkan negara.

Saudara-saudara sekalian,

Seperti yang seringkali saya tegaskan bahawa usaha-usaha pembangunan yang kita jalankan selama ini bukanlah semata-mata ditumpukan kepada aspek material atau kebendaan sahaja, bahkan sama-sama menitik beratkan aspek-aspek kerohanian dan moral, kerana kita memang yakin bahawa sebarang pembangunan yang ditumpukan kepada aspek material semata-mata akan melahirkan masyarakat yang memandang hidup ini dari segi dunia semata-mata dan keadaan ini hanya akan membawa kepada lahirnya masyarakat yang tiada mengenal batas-batas akhlak dan nilai-nilai kerohanian.

Oleh yang demikian, adalah penting kita mengintegrasikan atau mencantumkan yang sehati di antara kedua-dua aspek usaha pembangunan itu. Di sini mustahaklah kita meletakkan asas-asas pembangunan yang kokoh dan menyesuaikan program yang berfalsafahkan ajaran Islam dalam menentukan prinsip-prinsip penyusunan dan perlaksanaannya.

Sesungguhnya tugas seperti ini bukanlah mudah, apalagi memandangkan kurangnya tenaga keahlian kita dari orang-orang yang mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam kedua-dua aspek pembangunan itu. Oleh yang demikian, saya berseru kepada sekalian kaum intelek Islam yang berpengetahuan dalam aspek keagamaan agar bersepakat dalam usaha menolong Kerajaan untuk mewujudkan "integrated programme" yang selari dengan lunas-lunas ajaran Islam dalam menegakkan kemakmuran yang sejati dan berkekalan di negara kita.

Akhir kata, saya sukalah menyeru sekalian umat Islam supaya bersama-sama memupuk semangat cintakan Al-Quran di dalam dada masing-masing dan seterusnya menjadikan tema pertandingan tahun ini sebagai pegangan dalam segala lapangan hidup kita sebagai orang Islam.

Saya berdoa mudah-mudahan pertandingan ini dilimpahi Allah Subhanahu Wataala dengan rahmat dan petunjukNya. Maka dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Penyayang, saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan bagi tahun 1395 Hijrah ini.

Wassalamualaikum Warahmatullah.